

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

SU

# Tingkat keselamatan kanak-kanak di rumah

**K**EHADIRAN anak-anak merupakan pelengkap dalam sesebuah perkahwinan dan mereka adalah anugerah serta amanah Allah kepada ibu bapa.

Memang diakui, menjaga dan mendidik mereka bukan satu perkara yang mudah untuk dilakukan kerana kita memerlukan kesabaran dalam melayani pelbagai kerenah setiap anak.

Namun, malang tidak berbau kerana keterbatasan minda dan fizikal yang lemah boleh mengundang pelbagai musibah jika tidak diawasi dengan baik.

Menurut Pensyarah Psikologi Klinikal, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor, pada usia kanak-kanak, mereka mempunyai sifat ingin tahu yang sangat tinggi.

"Mereka (kanak-kanak) suka membuat eksperimen dan ingin mencuba pelbagai perkara pada usia itu. Maka, ibu bapa perlu sentiasa mengawasi anak-anak kerana mereka tidak mampu menilai tentang kebaikan baik atau keburukan perbuatan itu.

"Ibu bapa perlu sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak dan menjelaskan kepada mereka perkara-perkara yang boleh mendatangkan bahaya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, anak-anak hanya mampu membuat penilaian dengan baik ketika usia menginjak tujuh tahun kerana tahap kognitif mereka memasuki peringkat operasi konkrit iaitu mula menerima pendapat orang lain dan berupaya memberi perhatian terhadap persekitarannya.

Bagaimanapun, ibu bapa tidak boleh menyekat kebebasan anak-anak untuk melakukan pelbagai aktiviti.

"Melakukan aktiviti di luar rumah merupakan perkara yang sangat bermakna bagi mereka seperti menyentuh rumput dan pasir kerana anak-anak belajar melalui pengalaman.

"Ibu bapa juga perlu sedar kenapa anak-anak sangat aktif di rumah kerana mereka



KERATAN *Kosmo!* 14 Februari 2017.

sebenarnya inginkan perhatian," tuturnya.

Ujar Hilwa, kesabaran ibu bapa akan teruji lebih-lebih lagi jika dikurniakan anak-anak yang hiperaktif kerana mereka mempunyai tenaga luar biasa sehinggakan tidak boleh duduk diam.

Perilaku hiperaktif ini dikenali sebagai *Attention deficit hyperactivity disorder (ADHD)* iaitu kanak-kanak ini tersangat aktif dan lasak.

Mereka boleh memahami dan berfikir tetapi sukar memberi tumpuan atau perhatian sehingga menyebabkan kanak-kanak hiperaktif sukar bergaul dengan masyarakat.

### Kreatif

Perilaku hiperaktif dan agresif ini terjadi disebabkan oleh perubahan kimia (*neurotransmitter*) pada otak dan selalunya otak mereka bersaiz lebih kecil iaitu lima hingga 10 peratus daripada normal.

Walau apa jua keadaan sekalipun, ibu bapa dinasihatkan agar kreatif menguruskan anak-anak.

Pada 14 Februari lalu, *Kosmo!* melaporkan seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun maut selepas terjatuh dari tingkat tiga bangunan kuarters guru Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun, Seksyen 32, Shah Alam, Selangor.

Dalam kejadian pada pukul 5.04 petang itu, mangsa, Muhammad Syafiq Shyhami Mohammad Sauffi meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah pada kepala.

Siasatan awal mendapati,



KANAK-KANAK mempunyai sifat ingin tahu yang sangat tinggi dan mahu mencuba semua perkara. - Gambar hiasan

memanjat sebuah meja yang diletakkan bersebelahan dengan tingkap yang tidak mempunyai jeriji. Tindakan mangsa tidak disedari oleh ibu dan bapa tirinya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba Negeri Selangor, Mohd. Sani Harul berkata, ibu bapa perlu berwaspada dan melakukan beberapa langkah keselamatan bagi mengelak sebarang musibah menimpa anak mereka.

"Pastikan pintu atau tingkap

dipasang jeriji bagi memastikan anak-anak tidak keluar dari rumah atau terjatuh sekiranya tinggal di tempat tinggi.

"Jeriji juga perlu dipilih yang bersesuaian agar ia tidak mencederakan anak-anak pada masa akan datang," jelasnya.

Ujarnya, penyusunan perabot juga perlu dipandang serius kerana anak-anak suka memanjat dan menarik barang di atasnya sehingga mengundang kecederaan.

Selain itu, tempat penyimpanan barang berbahaya seperti bahan kimia, dapur yang mempunyai peralatan tajam dan kawasan sumber elektrik perlu dijauhkan daripada kanak-kanak.

Tuturnya, langkah-langkah pencegahan sangat penting bagi mengelakkan kecederaan dan kehilangan nyawa orang tersayang.



LINDUNGI anak-anak daripada berlaku sebarang musibah. - Gambar hiasan